


#3 MITOS vs REALITI PERAKAUNAN

Akma Hidayu Dol @ Abdul Wahid

MITOS #1 SUBJEK SUKAR DAN MEMBOSANKAN

Kebanyakan pelajar beranggapan subjek perakaunan di peringkat pengajian tinggi adalah sukar apatah lagi sekiranya tiada ilmu asas perakaunan yang diambil sewaktu sekolah menengah atas. Ini SALAH. Ilmu asas perakaunan akan diperkenalkan di semester awal pengajian perakaunan. Pelajar tidak perlu risau kerana pihak Fakulti telah menyusun kurikulum mengikut peringkat dan kesesuaian. Malah, kurikulum ini akan disemak setiap 4 tahun sekali bagi memastikan ia kekal selari dengan dasar serta hala tuju pendidikan negara dan relevan bagi pasaran industri. Bukan sahaja sukar, malah subjek perakaunan juga sering dianggap membosankan. Terdapat beberapa disiplin perakaunan yang berbeza dan mencabar seperti tadbir urus, pasaran dan strategi kewangan, percukaian, perakaunan forensik dan sebagainya. Pelajar pasti tidak sempat berasa bosan sekiranya mendalami ilmu perakaunan lebih mendalam. Namun begitu, tanggapan ini tidak melemahkan tenaga pengajar perakaunan. Pensyarah Fakulti Perakaunan UiTM Seremban khususnya, telah mencipta pelbagai cara dalam pengajaran dan pembelajaran bagi ia menjadi lebih mudah dan menyeronokkan kepada pelajar. Contohnya, pelbagai permainan berinteraktif telah dicipta dan telah memenangi beberapa anugerah inovasi. Antaranya adalah seperti 1) *Smart Costing Game* 2) *D'bees Game for Fun* 3) *Easy Peasy Breezy: Accounting in 60 Minutes* 4) *Act. Count. Think: Mobile Gaming Apps* 5) *Compute Your Own Tax or Should You Hire an Accountant?* 6) *OV Game* 7) *I Love Accounting: Fun Learning using Accounting Classification Magnetic Card* dan 8) *Bet on Accounting: - The opportunivore card*.



MITOS #2 PERLU HEBAT MATEMATIK



Untuk mempelajari akaun, perlu hebat dalam matematik? TIDAK. Sudah memadai untuk pelajar menguasai ilmu matematik asas atau asas algebra. Menguasai ilmu matematik yang lebih tinggi dan kompleks seperti matematik tambahan bukanlah satu keperluan utama. Tambahan pula, bagi 'Big Data', sudah ada pelbagai perisian perakaunan yang memudahkan lagi tugas seorang akauntan.

MITOS #3 BERKAITAN KEMAHIRAN MENGIRA NOMBOR DAN DEBIT KREDIT SAHAJA

Debit kredit adalah aplikasi konsep dualiti dalam penyediaan akaun bagi sesebuah perniagaan. Ia ilmu asas yang penting, namun perakaunan bukan hanya berkaitan dengan nombor atau debit dan kredit sahaja, ia lebih daripada itu. Bagi seorang akauntan, memiliki kemahiran menganalisis, menulis dan komunikasi yang baik adalah amat penting. Ini kerana, akauntan perlu menyediakan laporan dan analisis tahunan yang memberi impak besar bagi sesebuah syarikat dalam membuat keputusan. Ia merangkumi pelbagai aspek seperti analisis kewangan, analisis pengurusan risiko perniagaan, tadbir urus syarikat, polisi perniagaan dan sebagainya. Akauntan perlu berurusan dengan pelbagai pihak dari bidang yang berbeza bagi penyediaan analisis dan laporan tahunan tersebut. Inilah masanya, kemahiran komunikasi memainkan peranan besarnya di mana maklumat diperolehi dan analisis yang di buat mestilah tepat, telus, lengkap serta dipercayai sumbernya.

